

---

[BIL. 77 APR 2020](#)

The logo for 'CREATE e-newsletter' is displayed on a dark blue background. The word 'CREATE' is in a large, white, sans-serif font, with the letter 'R' highlighted in yellow. Below it, the words 'e-newsletter' are written in a smaller, white, lowercase, sans-serif font. A thin yellow horizontal line is positioned at the bottom of the logo area.

# CREATE

*e-newsletter*

## **Menteri KPT tinjau kesiapsiagaan UMP tangani penul**

Oleh: MOHD. FERDAUS MUSA, PEJABAT NAIB CANSOLOR

Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Noraini Ahmad berkunjung ke kampus Universiti Malaysia Pahang meninjau kesiapsiagaan UMP menangani ancaman penularan wabak penyakit Covid-19 yang melanda negara.

Turut sama menyertai kunjungan tersebut adalah Timbalan Menteri Kewangan II merangkap Ahli Parlimen, Abdullah.

---

Ketibaan Dato' Dr. Noraini disambut Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff diiringi (Mentor dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin dan Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMP, Gampang.

Dalam pertemuan ini, Dato' Dr. Noraini dan delegasi berpeluang mengadakan perbincangan dan menyoal mengenai penularan wabak Covid-19 serta laporan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang dilaksanakan.

Beliau turut menyampaikan sumbangan topeng muka dan sumbangan pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Menurut Profesor Ir. Dr. Wan Azhar, pihak UMP mengalu-alukan kehadiran Dato' Dr. Noraini ke universiti untuk menyoal mengenai pelaksanaan PKP ini.

“Pihaknya menyambut baik usaha pihak kerajaan dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam menangani penularan wabak Covid-19 dengan menanggung sepenuhnya perbelanjaan penyediaan makanan pelajar di kampus.

“UMP sentiasa memberi keutamaan terhadap aspek keselamatan dan kebajikan membabitkan seramai 1,200 pelajar di kampus.

“Ini termasuklah pengurusan makanan, minuman, kemudahan kesihatan dan keperluan harian pelajar yang tinggal di kampus.

---

di luar kampus,” katanya.

“Pihak UMP turut menghargai sumbangan pihak luar terutamanya dalam memastikan bekalan makanan, r  
katanya.

Selain itu, kemudahan UMP *Campus Pantry* yang dikendalikan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alur  
keperluan asas dan makanan kering hasil sumbangan program *Food Bank* Malaysia di bawah Kement  
Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga pihak luar.

Ini termasuklah sumbangan perseorangan untuk kegunaan pelajar UMP di dalam kampus.

Pada kunjungan ini juga, Dato’ Dr. Noraini turut melawat Kolej Kediaman Pelajar dan berkesempatan melih  
makan malam kepada pelajar yang dilaksanakan secara bersistematik dan mengikut prosedur keselamatan

Para pelajar perlu mengimbas kod yang disediakan bagi tujuan perekodan data, mencuci tangan dengan  
berada pada jarak sosial yang ditetapkan.

Dalam pertemuan dengan pelajar, Dato’ Dr. Noraini meminta agar para pelajar bersabar dan kekal be  
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dengan mengambil kira b  
ramai sekiranya pulang ke kampung akan membawa risiko penularan semula Covid-19 yang kini telah mula

“Justeru, kerajaan memutuskan agar pelajar terus kekal berada di lokasi masing-masing sehingga aral  
semasa,” katanya.

Beliau yakin para pelajar turut memahami bahawa kerajaan sedang berhadapan dengan saat getir dalam m

Kerajaan juga menghargai pengorbanan dan solidariti yang telah ditunjukkan para pelajar untuk bersama-s

Jelas beliau lagi, apa yang diperlukan pada ketika ini ialah sedikit kesabaran untuk terus bertahan l  
memutuskan rantai COVID-19 ini berjaya dilaksanakan.

Dalam pada itu, Dato’ Dr. Noraini turut memuji dan berterima kasih kepada semua petugas dan barisan h  
dan kesejahteraan pelajar yang berada di kampus terpelihara tanpa mengabaikan aspek keselam

---

dikuatkuasakan.

---

## Hibrah Covid-19 ubah cara bekerja

Oleh: MOHD. RAIZALHILMY MOHD.  
e-mel: [hilmy@ump.edu.my](mailto:hilmy@ump.edu.my)

Ungkapan 'Apa khabar semua?' sentiasa menjadi ungkapan awal yang diucap oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Nada seperti seorang yang bersemangat dan disenangi oleh rakyat Malaysia sehingga merasakan diri selamat walaupun negara sedang dilanda musibah. Perutusan khas ini bagi mengetahui perkembangan semasa dan inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menangani wabak Covid-19 yang melanda negara kita. Kini tempoh PKP telah dilanjutkan sehingga 28 April.

Menyedari bahawa negara sedang dilanda musibah, apa jua yang mungkin berlaku selepas ini hakikatnya akan berubah. Kita akan menjalani kehidupan dengan *the new normal* atau kebiasaan baharu. Apa yang akan berlaku sebagaimana biasa ketika sebelum PKP dilaksanakan. Ia termasuk perubahan dalam cara kita bekerja dan melakukan perubahan.

---

Organisasi dan warganya memerlukan perubahan bagi membolehkannya untuk terus membangun dan bertindak terhadap perubahan akan menyebabkan organisasi tidak maju dan seterusnya akan gagal. Kita perlu perubahan dan yang paling utama memastikan perubahan yang dilaksanakan menjurus kepada pencapaian dilakukan agar perubahan cara kerja yang dilakukan mampu memenuhi tuntutan semasa dan masa depan.

Di awal tempoh PKP, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengarahkan pegawai awam bekerja dan Covid-19 namun ketua jabatan boleh menentukan perkhidmatan penting di kementerian atau jabatan r terlibat hadir bertugas di pejabat dengan jumlah yang minimum. Setelah lebih sebulan PKP ini kebanyakan cara kerjanya iaitu bekerja dari rumah atau lebih dikenali dengan istilah *Work from Home* (WfH).

WfH sekarang diistilahkan sebagai *watershed* iaitu satu perubahan besar dalam pemikiran dan tindakan yang tercetus seiring dengan perkembangan revolusi perindustrian 4.0 di mana teknologi digunakan sebagai harus menumpukan bahawa konsep kerja dari rumah ini adalah sebahagian daripada proses pengurusan suatu disiplin yang membimbing bagaimana kita menyediakan, melengkapkan dan menyokong individu memacu kejayaan dan hasil organisasi.

Walaupun begitu, perkara ini masih baharu di Malaysia kerana terikat dengan perintah-perintah am dan menganggap bahawa bekerja dari rumah ini masih bersifat kepada mereka yang berorientasikan perniagaan. Syarikat, pekerja pengurusan saham (pembida) bekerja dari rumah tetapi mereka turut dibekalkan dengan dalam konteks moden pelbagai jenis profesion telah dilakukan di rumah dan memperoleh pendapatan grafik, penulis, pemain e-Dagang, editor dan sebagainya.

---

Berdasarkan model perubahan Kurt Lewin iaitu seorang pakar psikologi sosial, beliau telah membangunkan perubahan kerja secara terancang. Beliau melihat gelagat dalam organisasi adalah hasil daripada dua faktor: *force field* dan tekanan untuk melakukan perubahan. Kurt Lewin membangunkan model perubahan yang melibatkan proses ini akan memastikan bekerja bersedia untuk berubah manakala langkah seterusnya iaitu menjalankan perubahan organisasi ke arah yang lebih baik dan seterusnya langkah menyegarkan semula adalah berkesan.

Bekerja dari rumah misalannya memberi pekerja lebih proaktif dalam satu-satu tindakan kerana ruang waktu melaksana mesyuarat secara dalam talian, menyediakan laporan dan kertas kerja dan sebagainya. Malah pekerja bekerja 24 jam sehari kerana boleh berinteraksi dengan apa-apa keperluan organisasi pada bila-bila masa. Peralihan dari segi mental, keupayaan dan sumber menjadi daya penentu dalam mempermudah pelaksanaan.

Penjimatan ruang dan tenaga di pusat operasi atau pejabat juga adalah antara kesan langsung dalam model ini yang amat besar. Pekerja akan berada di pusat operasi ketika mana melibatkan konsultasi dengan pihak lain melalui medium dalam talian seperti *e-Conference*, *e-Meeting* adalah salah satu langkah dalam penjimatan operasi. Platform talian yang mudah diperolehi seperti *Google Meet*, *Skype*, *Webex*, dan sebagainya.

Mengambil contoh syarikat konsultasi perhubungan awam di Kanada, pekerja hanya bekerja dari rumah sahaja. Perkara ini dilihat positif kerana bukan sahaja memudahkan perhubungan tetapi kesihatan. Ancaman Covid-19 memerlukan kepada komitmen masyarakat untuk mengekalkan penjarakan sosial berkesan. Covid-19 yang bermula di Wuhan, China kini tersebar di seluruh dunia dan sukar dikawal, pelbagai sektor terpaksa beroperasi dari rumah ini demi memastikan perniagaan terus beroperasi seperti biasa. Pendekatan yang sama juga digunakan dalam pembelajaran secara dalam talian dilihat sebagai penyelesaian ketika berdepan krisis kesihatan yang mungkin menimbulkan sebarang risiko.

Dalam pada itu, Harvard Business School turut menggariskan lima peraturan bekerja dari rumah. Antaranya adalah fokus kepada hasil kerja berbanding aktiviti dalam menghasilkan kerja tersebut. Ia akan mewujudkan produktiviti. Selain itu, produktiviti kerja harus diukur dalam jangka waktu yang panjang seterusnya menyokong kepada keberkesanan. Itu, aspek kesejahteraan dan kebajikan keluarga dan rakan-rakan perlu diberi tumpuan dalam menanganinya. Itu juga perlu diberi peluang dan ruang masa yang lebih fleksibel agar mereka dapat menyeimbangkan antara kerja dan kehidupannya perlu selari dengan kehendak kehidupan agar wujud masa rehat yang mencukupi di samping masa bekerja melalui WfH.

Menyedari perkara ini, perubahan cara bekerja ini bukanlah merupakan satu kerja yang mudah tetapi memerlukan pemimpin organisasi membolehkan perubahan dilakukan secara lebih berkesan. Apa yang lebih utama adalah perubahan perlu diseimbangkan agar semua pihak dapat menerima perubahan ini secara terbuka dan mengetahui kegunaannya. Kita seharusnya menyediakan diri untuk menghadapi dan menangani perubahan ini dalam suasana mengukuhkan dan mewujudkan daya saing dan lebih berkebolehan untuk bersaing.

***Penulis adalah Pengurus, Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat merangkap Presiden Persatuan Industri dan Masyarakat Malaysia Pahang (UMP).***

---

**Kesan gelombang haba terhadap kualiti udara**

---

Oleh: NURUL NADRAH NADRAH AQILAH TUKIMAT

e-mel: [nadrah@ump.edu.my](mailto:nadrah@ump.edu.my)

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh dunia termasuk Malaysia disebabkan oleh virus COVID-19 memberikan kesan yang baik kepada iklim global. Kadar pencemaran udara dan pembebasan gas rumah hijau dapat dikawal dengan langkah seperti pergerakan kenderaan, aktiviti pembinaan dan perindustrian yang merupakan penyumbang karbon dioksida. Pada tahap 23 peratus adalah pada tahap minimum.

Merujuk kepada laporan Indeks Pencemaran Udara (IPU), kualiti udara di seluruh Malaysia adalah di tahap yang baik manakala beberapa tempat adalah di tahap yang baik (bacaan bawah 50) seperti Paka (Terengganu), Kuala Kangsar (Perlis), Alor Setar (Kedah) dan beberapa kawasan di Johor, Sabah dan Sarawak. Jabatan Alam Sekitar melaporkan 2 peratus kadar penurunan bacaan IPU di seluruh Malaysia merupakan suatu petanda yang sangat baik ke arah pemulihan alam sekitar.

Penurunan kadar pembebasan gas rumah hijau dalam tempoh PKP ini memberi ruang kepada sistem iklim untuk membaik pulih tahap pencemaran sedia ada.

Walau bagaimanapun, kualiti udara masih memerlukan pemantauan dan pengawasan yang lebih kerana musim kemarau di Pantai Barat atau musim kering (Mei hingga September). Ketika monsun barat daya, pergerakan angin lebih perlahan dan kuantiti hujan di bawah 150mm/bulan. Ini terbukti apabila beberapa titik panas (gelombang haba tahap 1) dilaporkan di Malaysia seperti di Kelantan (Pasir Mas, Machang, Kuala Krai), Terengganu (Kuala Terengganu) dan Negeri Sembilan. Pemantauan dan pengawasan yang lebih serius diperlukan.

Suhu panas, kering dan tidak berangin memudahkan penumpuan partikel bersaiz 2.5 (PM2.5) akibat kebakaran hutan kepada masalah jerebu. Walaupun kehadiran gas rumah hijau dapat dikawal, namun kehadiran partikel halus yang sama dengan impak akibat dari perubahan iklim. Kerjasama daripada orang awam adalah sangat penting untuk sentiasa dalam keadaan yang baik untuk manfaat bersama. Kita jaga persekitaran untuk kita.



# Sidang Editorial

## PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff  
[nc@ump.edu.my](mailto:nc@ump.edu.my)

## KETUA EDITOR

Ts. Dr. Muhamad Mat Noor  
[muhamad@ump.edu.my](mailto:muhamad@ump.edu.my)

## EDITOR

Safriza Haji Baharuddin  
[safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

## WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit  
[mimirabitah@ump.edu.my](mailto:mimirabitah@ump.edu.my)

Nur Hartini Mohd Hatta  
[nurhartini@ump.edu.my](mailto:nurhartini@ump.edu.my)

Nor Salwana Mohammad Idris  
[salwana@ump.edu.my](mailto:salwana@ump.edu.my)

## PENTADBIR WEB

Mohd Suhaimi Hassan  
[mohdsuhaimi@ump.edu.my](mailto:mohdsuhaimi@ump.edu.my)

## PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid  
[noorazhar@ump.edu.my](mailto:noorazhar@ump.edu.my)

## JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil  
[khairul@ump.edu.my](mailto:khairul@ump.edu.my)

Muhammad Naufal Samsudin  
[naufal@ump.edu.my](mailto:naufal@ump.edu.my)

## PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz  
[lin@ump.edu.my](mailto:lin@ump.edu.my)

Sidang Editorial berhak melakukan tindakan yang tidak diterima untuk penyiaran selagi tidak disiarkan tidak semestinya menggariskan dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab terhadap kandungan yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan akan dipertanggungjawabkan dan dikembalikan. Sumbangan karya akan diterbitkan kepada penerbit di:

EDITOR  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Pejabat Naib Canselor  
Canseleri Tun Abdul Razak  
Universiti Malaysia Pahang  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur  
Tel.: 09-424 5000  
Faks: 09-424 5055  
e-Mel: [safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



5-Star World Class Technological University  
[www.ump.edu.my](http://www.ump.edu.my)



- 153 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

# CREATE

*e-newsletter*



Universiti  
Malaysia  
PAHANG

Engineering - Technology - Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

